

**PEMIKIRAN USUL FIKAH SYEIKH AHMAD AL-FATANI  
DALAM KITAB AL-FATAWA AL-FATANIYYAH  
(*USUL FIQH TOUGHTS OF SYEIKH AHMAD AL-FATANI IN  
HIS TREATIES AL-FATAWA AL-FATANIYYAH*)**

MUHAMMAD ADIB BIN SAMSUDIN  
MOHAMMAD ZAINI BIN YAHAYA

**ABSTRAK**

Syeikh Ahmad al-Fatani merupakan seorang tokoh ulama Melayu yang prolific dan telah menghasilkan lebih daripada 160 buah karya dalam pelbagai bidang seperti *tafsir*, *hadis* dan *fikah*. Beliau tidak mengarang kitab khusus mengenai usul *fikah*. Walau bagaimanapun, kitab *al-Fatawa al-Fataniyyah* mengabsahkan kedudukan beliau sebagai seorang yang sangat mahir dan pakar dalam ilmu tersebut. Makalah ini membincangkan keunggulan pemikiran usul *fikah* beliau dalam kitab tersebut. Keunggulan beliau itu terserlah kerana pemahaman yang mendalam serta penguasaan yang jitu terhadap ilmu usul yang merupakan perkara paling dasar dan satu-satunya cara untuk mengeluarkan hukum *fikah* dan *fatwa*. Beliau mengingatkan kiata bahawa tidak ada jaminan hukum yang dikeluarkan itu menepati panduan *al-Quran* dan *al-Sunnah* melainkan setelah ‘disaring’ oleh ilmu usul *fikah*.

**Kata kunci :** ulama Melayu, usul *fikah*, *fatwa*, kitab, *fikah*

**ABSTRACT**

Syeikh Ahmad al-Fatani was one of prolific Malay scholars who had produced more than 160 writings in the fields of *tafsir*, *hadith* and *fiqh*. He had never written any specific books on Islamic Jurisprudence,

moreover, his *kitab al-Fatawa al-Fataniyyah* is a testimony of his intellectual in this field. This article focuses on his Islamic Jurisprudence thoughts in that *Kitab*. The article reveals that this *Kitab* conveyed a concrete evidence to celebrate him as a scholar in that field. This is due to his deep understanding and scholarly thought in the field of Islamic Jurisprudence which is the basis and the only method to configuring *fiqh* and *fatawa*. He reminds us that there is no assurance *fatawas* which had been disseminated are in accordance with the Qur'an and Sunnah before they priorly purified by the method as explained in the Islamic Jurisprudence.

**Key words:** Islamic Malay jurist, *usul fiqh*, *fatawa*, book, *fiqh*

## Pengenalan

Syeikh Ahmad al-Fatani merupakan salah seorang ulama Melayu yang tersohor di Nusantara. Ketokohan beliau *rahimahullah* terserlah dengan melihat kepada hasil karya beliau yang melebihi 160 buah<sup>1</sup>. Karya-karya ini pula meliputi pelbagai bidang ilmu dan dikarang pula menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Arab. Dengan ini, pelbagai kajian telah dilakukan mengenai ketokohan beliau sama ada berkaitan individu beliau mahupun hasil-hasil karya beliau. Antaranya al-'Allamah Syeikh Ahmad al-Fatani Ahli Fikir Islam dan Dunia Melayu, Shaikh Ahmad al-Fathani al-Imam al-Mujaddid fi al-Alam al-Malayu, Sanad Keilmuan Syeikh al-Fathani Aktiviti Pengajian Pondok Kelantan dan Selangor, Sanad Keilmuan Syeikh Ahmad al-Fathani dan Ulama Kelantan, Jalinan 'Ulama' dan 'Umara' Syeikh Ahmad al-Fathani & Sultan Zainal Abidin III, Jalinan Keilmuan Syeikh Ahmad al-Fathani dengan Para Ulama Johor dan

---

<sup>1</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah, *al-'Allamah Syeikh Ahmad al-Fatani ahli fikir Islam dan dunia Melayu*, Khazanah Fathaniyyah, Kuala Lumpur, 1992, jil. 1, hlm. 44..

Ciri Pemikiran Kontemporari Shaikh Ahmad al-Fatani dalam Kitab Bahjatul al-Mubtadin Wa Farhatu al-Mujtadin. Berdasarkan kepada judul-judul yang disenaraikan di atas, masih belum terdapat kajian yang mengupas pemikiran Syeikh Ahmad al-Fatani dalam bidang usul fiqh.

Sehubungan itu, pemikiran Syeikh Ahmad al-Fatani *rahimahullah* dalam bidang ini akan ditelusuri melalui karya yang berjudul *al-Fatawa al-Fataniyyah*. Judul ini dipilih berbanding karya-karya beliau yang lain kerana ia membincangkan khusus tentang fatwa. Pengeluaran fatwa yang menepati kehendak al-Quran dan hadis pula mesti berpandukan kepada pemakaian ilmu usul fikah. Oleh itu, ketokohan beliau dalam ilmu usul fikah akan jelas terserlah dengan mengupas pemikiran usul fikah yang terkandung dalam kitab *al-Fatawa al-Fataniyyah*.

Walaupun terdapat sebuah tesis kedoktoran (PhD) yang telah mengupas kitab *al-Fatawa al-Fataniyyah* ini, namun fokus penulisnya adalah berbeza. Tesis tersebut berjudul The Patani Fatawa: A Case Study of The Kitab *al-Fatawa al-Fataniyyah* of Shaykh Ahmad bin Muhammad Zain bin Mustafa al-Fatani. Ia hasil Perayot Rahimmula ketika memperoleh PhD di University of Kent, Canterbury pada tahun 1990. Beliau membahagikan kajian beliau kepada 6 bab. Pada bab pertama Perayot Rahimmula sejarah Fatani yang antara lainnya menyentuh hubungan antarabangsa dengan negara-negara jirannya. Pada bab kedua beliau mengulas tentang pengajian tradisional yang wujud di Fatani dengan penumpuan diberikan kepada ulama-ulama yang mengajar di Pondok-Pondok. Setelah itu, Perayot Rahimmula memperkenalkan Syeikh Ahmad al-Fatani sebagai pengarang kepada kitab *al-Fatawa al-Fataniyyah* pada bab ketiga. Ini diikuti dengan nukilan teks asal dalam bahasa Melayu kandungan *al-Fatawa al-Fataniyyah* dan terjemahannya dalam bahasa Inggeris pada bab keempat dan kelima. Pada bab terakhir, Perayot Rahimmula menganalisis kitab *al-Fatawa al-Fataniyyah*. Antara isu yang dikupas

ialah tarikh penulisan, pembahagian topik, bahasa yang digunakan dan pengaruh politik ketika fatwa-fatwa ini dihasilkan.

Justeru, kajian mengenai Syeikh Ahmad al-Fatani melalui karya beliau *al-Fatawa al-Fathaniyyah* masih terbuka termasuklah menonjolkan pemikiran usul fikah beliau.

### Biodata Ringkas Syeikh Ahmad Al-Fatani<sup>2</sup>

Tokoh agung ini bernama Ahmad bin Muhammad Zain. Beliau dilahirkan pada 5 Syaaban tahun 1272H bersamaan 10 April 1856M di Kampung Sena Janjar, Kampung Jambu, Negeri Jerim<sup>3</sup> dan berhijrah meninggalkan Fatani menuju ke Mekah bersama ibu bapa beliau ketika berumur empat tahun. Pada ketika itu, beliau *rahimahulLah* telah menunjukkan keperibadian yang agak berbeza dengan kanak-kanak lain yang sebaya dengannya apabila mula menghafal pelbagai jenis matan seawal umur dua tahun lagi. Seterusnya beliau menuntut pula di Baitul Maqdis selama dua tahun sehingga menjadi orang Melayu pertama yang mendapat pendidikan khusus dalam bidang perubatan<sup>4</sup> daripada Syeikh Abd al-Rahim al-Kabuli di samping ilmu-ilmu lain terutamanya yang berkaitan dengan bidang syariat.<sup>5</sup> Kedahaagaan

<sup>2</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah, al-'Allamah Syeikh Ahmad al-Fatani ahli fikir Islam dan dunia Melayu, Khazanah Fathaniyyah, Kuala Lumpur, 1992, jil. 1, hlm. 1-200 & Wan Mohd. Shaghir Abdullah, Wawasan pemikiran Islam ulama Asia Tenggara, Khazanah Fathaniyyah, Kuala Lumpur, 1421H/2000, jil.2, hlm. 83-123.

<sup>3</sup> Kampung tersebut mendapat namanya sempena pokok Sena yang ditanam berjajar-jajar (berbaris-baris) melingungi kampung tersebut. Nama asal kampung ini ialah Kampung Sena tetapi ditukar kepada Kampung Sena Jenjar oleh datuk beliau yang bernama Hulubalang Syeikh Haji Wan Mustafa al-Fatani.

<sup>4</sup> Hal ini jelas terbukti dengan terbitnya sebuah buku dalam bahasa Melayu yang berjudul Tayyib al-Ihsan fi Tibb al-Insan.

<sup>5</sup> Ini tidak bererti terdapat dikotomi antara ilmu dalam Islam tetapi pembahagian ilmu kepada syariat dan bukan syariat boleh membawa kepada memahami kedudukan ilmu dan seterusnya ilmu dalam bidang masing-masing. Pada masa yang sama juga dapat difahami bahawa tidak ada perbezaan darjah antara kedua-duanya dalam Islam. Ilmu-ilmu yang berkaitan dengan syariat secara langsung ialah tauhid, tafsir, hadis, fekah, tasawuf dan lain-lain. Manakala ilmu tidak langsung ialah perubatan, kejuruteraan, ketenteraan dan sebagainya

kepada ilmu membawa beliau *rahimahulLah* ke Universiti al-Azhar di Mesir yang beliau namakan dengan *Masjid Jami' al-Azhar*. Dengan perjalanan ini beliau turut menempa satu lagi sejarah dengan menjadi orang pertama dari Asia Tenggara yang menuntut di Mesir sehingga terkenal di kalangan orang-orang Melayu di Mekah ketika itu – setelah kembali semula ke Mekah – dengan gelaran Syeikh Ahmad al-Zaki Mesir.<sup>6</sup>

Mengenai guru-guru Syeikh Ahmad al-Fatani pula, al-Fadhil Ustaz Hj. Wan Mohd. Shaghir Abdullah sekadar menyebut beberapa nama sama ada yang berbangsa Arab mahu pun berbangsa Melayu yang berada di tanah Hijaz, itu pun setelah beliau pulang menuntut dari *Jami' al-Azhar*.<sup>7</sup> Antara yang menduduki tempat teratas di kalangan orang Arab ialah Syeikh Muhammad bin Sulaiman Hasbullah yang digelar oleh Syeikh Ahmad al-Fatani dengan *matla' al-shams al-tahqiq wa manba' cuyun al-tadqiq* yang membawa maksud tempat terbit matahari hakikat dan tempat mata air yang halus yang mengalir terus. Selain itu beliau turut berguru dengan Syeikh Mustafa al-'Afifi, Sayyid 'Umar al-Shami al-Baqa'i, Sayyid Muhammad Ali bin Sayyid Zahir al-Watri dan Syeikh 'Abd al-Qadir al-Shibli al-Tarabusi *rahimahumulLah*. Manakala guru-guru beliau yang berketurunan Melayu pula ialah Syeikh Muhammad bin Ismail al-Fatani yang lebih

---

<sup>6</sup> Iaitu Syeikh Ahmad yang cerdik dari Mesir. Gelaran yang diberikan memang mempunyai asas kerana beliau *rahimahulLah* dalam usia yang belum mencapai tiga puluh tahun dan masih bergelar pelajar tetapi telah berjaya menyusun tiga buah kitab berbahasa Arab bahkan dalam bentuk syair yang bermutu iaitu *Jumanat al-Tawhid* (1293H), *Munjiyat al-'Awam* (1293H) dan *'Unqud al-Lali* (1296H). Di samping itu juga, beliau turut dianggap sebagai orang Melayu pertama yang meneroka bidang pentashihan.

<sup>7</sup> Di samping tidak menolak di sana terdapat ramai lagi guru beliau yang tidak sempat dimuatkan oleh al-Fadhil Ustaz Hj. Wan Mohd. Shaghir seperti yang beliau catatkan dalam *al-'Allamat Syeikh Ahmad al-Fatani ahli fikir Islam dan dunia Melayu* pada halaman 43. Ini kerana – pada pendapat penulis – Syeikh Ahmad al-Fatani sendiri telah berada di tahap yang hampir sama dengan ramai tuan guru di Mekah dan Madinah ketika itu bahkan dalam keadaan-keadaan tertentu ilmu beliau ‘melebihi’ ilmu guru-guru tersebut. Diceritakan bahawa terdapat seorang guru yang mengajar di Masjidil Haram di Mekah enggan menjawab soalan yang dikemukakan oleh Syeikh Ahmad al-Fatani kerana menghormati keluasan dan kemantapan ilmu yang dimiliki oleh beliau.

dikenali dengan Syeikh Nik Mat Kecik al-Fatani dan Syeikh Abdul Qadir bin Abdul Rahman al-Fatani yang kesemuanya berasal dari Fatani. Dalam pada itu juga Syeikh Ahmad al-Fatani turut menuntut daripada ulama-ulama Kelantan yang bermastautin di Mekah antaranya Syeikh Muhammad Said bin Isa al-Kalantani, Syeikh Abdul Muttalib Kuta dan Syeikh Wan Ali Kutani al-Kalantani.

Sebagai seorang tokoh agung, beliau mempunyai ramai anak murid khususnya dari alam Nusantara yang kebanyakannya menjadi ulama tersohor di rantau ini.<sup>8</sup> Dari Patani sendiri jumlahnya tidak kurang dari 23 orang yang antaranya Syeikh Abdullah bin Qasim Senggora, Syeikh Muhammad bin Idris al-Fatani dan Syeikh Muhammad bin Hussein bin Abdul Latif al-Fatani. Anak murid beliau dari Malaysia juga tidak kurang hebatnya sehingga jumlah yang dicatatkan melebihi 38 orang bahkan ada di kalangan mereka di kalangan sultan seperti Sultan Mansor yang merupakan sultan Kelantan dan Sultan Zainal Abidin iaitu sultan negeri Terengganu. Selain itu, yang sempat dimuatkan di sini ialah antaranya Syeikh Abdul Samad bin Muhammad Saleh yang lebih dikenali dengan Tuan Tabal, Syeikh Wan Sulaiman bin Sidiq, Mufti Kedah dan Tuan Guru Haji Omar bin Ismail, Sungai Keladi, Kota Bharu, Kelantan. Tidak ketinggalan juga, Syeikh Ahmad al-Fatani menjadi tumpuan anak-anak kelahiran Cam/Kemboja untuk berguru seperti Hj. Muhammad Saleh, Tengku Sulaiman dan Tuan Guru Haji Muhammad Tahir Kemboja. Beliau *rahimahullah* turut mempunyai anak murid yang ramai dari Indonesia yang bilangan mereka dikatakan lebih daripada 23 orang seperti Syeikh Sulaiman al-Rasuli, Syeikh Muhammad Jamil Jaho dan tidak ketinggalan juga Syeikh Muhammad Tahir Jalaluddin al-Minangkabawi.

---

<sup>8</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah, *Fatawa tentang binatang hidup dua alam Syeikh Ahmad al-Fatani*, Penerbitan Hizbi, Kuala Lumpur, 1990, hlm. 42-53

Ayah kepada enam orang anak ini<sup>9</sup> menguasai pelbagai bidang ilmu meliputi ilmu-ilmu yang berkaitan dengan bahasa Arab, usul, tafsir, hadis, fiqh dan lain-lain. Syeikh Ahmad al-Fatani *rahimahulLah* telah mengarang lebih daripada 160 buah kitab sama ada dalam bahasa Arab atau bahasa Melayu termasuk kitab-kitab yang ditashih. Dalam bahasa Arab sahaja kitab-kitab karangan beliau melebihi 32 buah<sup>10</sup> yang antaranya ialah *Jumanat al-Tawhid* (1293H/1876), *Tashil Nayl al-Amani* (1300H/1883) dan *‘Ilm al-Sarf* (1317H/1900). Manakala kitab-kitab yang dikarang dalam bahasa Melayu pula tidak kurang daripada 22 buah.<sup>11</sup> Antaranya *Hadiqat al-Azhar* (1307H/1890), *Bahjat al-Mubtadin* (1310H/1892) dan *Faridat al-Fara’id* (1313H/1895). Dalam bidang pentashihan pula yang tinta emas sejarah mencatatkan bahawa beliau sebagai pelopornya telah mentashih lebih daripada 36 buah kitab yang kebanyakannya dalam bahasa Melayu berbanding bahasa Arab. Syeikh Ahmad al-Fatani telah mentashih lebih daripada 25 buah kitab berbahasa Melayu yang antara lainnya berjudul *Tafsir Baydawi* karangan Syeikh Abdul Rauf bin Ali al-Fansuri, *Furu‘ al-Masa’il* karya Syeikh Daud bin Abdullah al-Fatani dan *Tuhfat al-Raghabin* tulisan Syeikh Muhammad Arsyad bin Abdullah al-Banjari. Antara karya-karya bahasa Arab yang ditashih beliau ialah *Fanat al-Talibin* oleh Sayyid Abu Bakar Shata, *al-Ajrumiyyah* karangan Imam Shanhaji dan *al-Kharidat al-Bahiyyah* tulisan Syeikh Abdullah bin Usman Makki. Tokoh agung Nusantara yang telah menabur bakti mengajar selama 25 tahun di Masjidil Haram<sup>12</sup>

<sup>9</sup> Beliau mempunyai dua orang isteri iaitu Wan Kalthum binti Hj. Wan Ismail dan Hajjah Siti Saudah binti Syeikh Abdullah. Daripada isteri yang pertama beliau *rahimahulLah* mendapat dua orang anak iaitu Hj. Wan Ismail dan Hajjah Wan Fatimah. Manakala daripada perkahwinan kedua pula beliau dikurniakan empat orang zuriat iaitu Hajjah Wan Zainab, Wan Nafisah, Wan Muhammad Salih dan Wan Muhammad Nur. Lihat ibid hlm. 53.

<sup>10</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah, *al-‘Allamah Syeikh Ahmad al-Fatani ahli fikir Islam dan dunia Melayu*, jil. 1, hlm. 44-46.

<sup>11</sup> Ibid jil. 1, hlm 47-48.

<sup>12</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah, Tuan Mukhtar Bogor ulama ahli syariat dan haqqiqat dalam *Mega (Utusan Malaysia)*, Kuala Lumpur, 2005, hlm. 18. Beliau mengajar sejak tahun 1300H/1882 – 1325H/1908.

ini akhirnya menemui Ilahi di Mina ketika sedang mengerjakan haji sunat pada malam 11hb. Zulhijjah 1325H bersamaan 14 Januari 1908 dan disemadikan di Mekah di perkuburan Ma<sup>c</sup>la di bawah kaki *Umm al-Mukminin* Siti Khadijah *radiaLlahu'anha*.<sup>13</sup> Semoga Allah (s.w.t) mencucuri rahmat ke atas beliau dan seluruh umat Islam...Amin.

### **Pengenalan Ringkas Kitab *Al-Fatawa Al-Fataniyyah***

Kitab *al-Fatawa al-Fataniyyah* merupakan himpunan jawapan kepada 108 soalan dalam pelbagai bidang yang dikemukakan kepada Syeikh Ahmad al-Fatani. Beliau *rahimahulLah* telah berkata pada permulaan kitab ini : “maka inilah beberapa soal yang dituntut daripada *al-abd al-faqir ila 'afw robbihi al-raji minhu Ta'ala nayl al-amani* Ahmad bin Muhammad Zain bin Mustafa al-Fatani *'afa Allah Ta'ala 'anhu* akan jawabnya.”<sup>14</sup> Ia merupakan sebuah kitab yang unik serta mempunyai gaya penulisan yang tersendiri<sup>15</sup> serta agak berbeza dengan kitab-kitab yang lain kerana ia merupakan pengalaman sebenar yang disusun dalam bentuk soal jawab yang tidak kedapatan dalam metode yang sedemikian pada zamannya. Walaupun majoriti kandungan fatwa<sup>16</sup> dalam kitab ini adalah dalam ruang lingkup fikah yang sebahagian besarnya pula berkaitan bidang *munakahat* tetapi ia turut meliputi dua bidang utama dalam syariat Islam iaitu tauhid dan

---

<sup>13</sup> Beliau meninggal akibat mati sebelah badan yang dikenali ketika ini dengan penyakit angin ahmar. Lihat Wan Mohd. Shaghir Abdullah, *Fatawa tentang binatang hidup dua alam* Syeikh Ahmad al-Fatani, hlm. 60.

<sup>14</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah, *al-Fatawal fathaniyah Syeikh Ahmad al-Fatani*, Khazanah Fathaniyyah, Kuala Lumpur, 1996, jil. 1, hlm. 11

<sup>15</sup> Ibid. jil. 1, hlm. vii.

<sup>16</sup> Fatwa ialah *mufrad* kepada *fatawa*. Ia pada bahasa bermaksud penjelasan terhadap persoalan mengenai hukum. Manakala pada istilah ulama Usul pula ialah penjelasan mengenai hukum (syarak) terhadap masalah atau peristiwa yang berlaku ketika disoal mengenainya. Lihat *'Abd Al-Qadir Muhammad Abu al-'Ila, Buhuth fi al-ijtihad*, Matba<sup>c</sup>ah al-Amanah, Shubra, 1407H/1987, hlm.141.

tasawuf.<sup>17</sup> Begitu juga, Syeikh Ahmad al-Fatani *rahimahulLah* turut menyentuh mengenai teknologi moden yang hampir-hampir tidak disentuh oleh ulama lain pada waktu itu. Renungi sahaja kata-kata beliau di bawah ini:

Berkata hamba, pada me[ng]hampirkan bagi segala akal, adakah tiada engkau ketahui atau lihat bahawasanya dikurniakan kepada kuffar sekarang ini beberapa ringkahan yang ‘ajib-‘ajib sehingga sampai mereka itu kepada alat yang boleh musafir di dalamnya di atas hawa’ yang telah maklum mereka itu dengan ‘balon’ atau ‘thaiyarah’ atau minthad . . .<sup>18</sup>

Penelitian terhadap fatwa-fatwa ini juga membayangkan kekuatan pengaruh mazhab Syafie yang dipegang oleh Syeikh Ahmad al-Fatani. Ini dapat dilihat daripada kata beliau yang berbunyi “dan tiada hamba di dalam kutubul mazhab akan sesuatu syarat yang lebih daripada segala syarat yang enam ini.”<sup>19</sup> Ia turut dibuktikan dengan melihat kepada kitab-kitab yang menjadi rujukan beliau ketika menjawab soalan-soalan yang dikemukakan seperti kata beliau “inilah pendapat yang disemuafakati dengan jazam dalam beberapa kitab muktabar pada Mazhab Syafi’i. . .”<sup>20</sup> Antara kitab muktabar tersebut yang menjadi panduan kepada Syeikh Ahmad al-Fatani *rahimahulLah* dalam mengeluarkan fatwa yang kesemuanya

<sup>17</sup> Ruang lingkup fatwa hanyalah masalah-masalah *zanniyah* yang boleh diijtihadkan sahaja. Oleh itu, perkara-perkara pasti (*ilmiyah*) tidak termasuk istilah fatwa. Rujuk al-Zuhaily, Wahbah, *Usul al-fiqih al-Islami*, Dar al-Fikr al-Mucasir, Bayrut, 1417H/1996, jil. 2, hlm. 1157. Bidang tauhid walaupun melibatkan akidah secara langsung namun di sana terdapat perkara-perkara cabang yang menjadi perselisihan antara ulama-ulama dalam bidang usuluddin.

<sup>18</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah, *al-Fatawal fathaniyah Syeikh Ahmad al-Fatani*, Khazanah Fathaniyyah, Kuala Lumpur, 2002, jil. 3, hlm. 31.

<sup>19</sup> Ibid. jil. 2, hlm. 69.

<sup>20</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah, *Fatwa tentang binatang hidup dua alam Syeikh Ahmad al-Fatani*, hlm. 9.

dikarang oleh tokoh-tokoh yang bermazhab Syafie ialah *Bugyat al-Mustarshidin Fi Talkhis Fatawa Ba'd al-A'imma Min al-'Ulama' al-Muta'akkhirin Maca Damm Fawa'id Jammah Min Kutub Shatta li al-'Ulama' al-Mujtahidin* karangan 'Abd al-Rahman bin Muhammad al-Husin bin 'Umar yang lebih dikenali Ba'lawi, *Tuhfat al-Muhtaj bi Sharh al-Minhaj* hasil penulisan Shihab al-Din Abi al-'Abbas Ahmad bin Muhammad bin 'Ali bin Hajar al-Haytami, *Fath al-Mu'in bi Sharh Qurrat al-'Ayn* oleh Zayn al-Din bin 'Abd al-'Aziz al-Malibari dan lain-lain *rahimahumulLah*. Tidak perlu disebutkan di sini bahawa antara rujukan utama beliau juga ialah kitab *al-Umm* karangan Imam al-Shafi'iyy *radiaLLahu'anhu* sendiri dan *al-Majmu'* oleh Imam al-Nawawi *rahimahulLah*.

Selain daripada fatwa dalam hukum syariat, *kitab al-Fatawa al-Fataniyyah* juga menonjolkan ketokohan Syeikh Ahmad al-Fatani dalam ilmu bahasa seperti yang dapat dikesan pada masalah nombor 4, 6 dan 15.<sup>21</sup> Dalam pada itu juga, beliau *rahimahulLah* adalah manifestasi ulama yang sangat mengenali kekerdilan, kelemahan serta kebergantungan seorang hamba di hadapan Tuhan *Rabb al-Jalil* dengan merendahkan diri beliau serta mengakui bahawa ilmu yang dimiliki beliau pada hakikatnya adalah sangat terbatas dan milik mutlak Allah (s.w.t) yang Maha Berkuasa. Meskipun dikurniakan dengan ilmu yang banyak namun kesemua jawapan beliau akan dimulakan dengan doa bertujuan memohon petunjuk daripada Allah (s.w.t) seperti / ﴿يَادِهِ مُهَلِّلًا بِأَوْصَلِلَّ إِمَادًا / أَقِيفُوتَ

yang bermaksud “wahai Tuhanku berikanlah hidayah dan petunjuk kepadaku agar aku memberikan jawapan yang betul.” Kesemua pengeluaran fatwa termasuk himpunan dalam kitab *al-Fatawa al-Fataniyyah* pada hakikatnya mempunyai kaitan rapat dengan manhaj atau metode yang dikenali dengan ilmu usul fikah.

---

<sup>21</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah, *al-Fatawal fathaniyah Syeikh Ahmad al-Fatani*, jil. 1, hlm. viii. Dalam masalah nombor 15 sebagai contoh soalannya berbunyi “minta nash niat takbiratul ihram dikatakan Ushalli! Apalah sebab tiada dikatakan A'budu atau Ad'u? Padahal dikatakan [bahawa] makna A'budu [itu] Aku sembah. Apakah makna Aku sembah?”

Inilah satu-satu ilmu yang menjadi panduan untuk mentafsirkan nas-nas al-Quran dan hadis ketika merumus hukum hakam serta menjadi dabit<sup>22</sup> kepada proses ijтиhad dan pengeluaran fatwa.<sup>23</sup>

### **Pemikiran Usul Fikah Syeikh Ahmad Al-Fatani**

Pemahaman serta penguasaan beliau dalam usul fikah terserlah jika diteliti setiap satu fatwa yang beliau dokumentkan dalam kitab beliau yang sangat bernilai itu yang kesemua fatwa yang dikeluarkan itu menepati manhaj yang telah disepakati oleh seluruh ulama usul fikah. Justeru, selain menggunakan dalil daripada nas al-Quran dan hadis sebagai sandaran dalam berfatwa yang merupakan asas fatwa itu dalam lingkungan penerimaan syarak, Syeikh Ahmad al-Fatani dalam sesetengah keadaan turut menzahirkan kepakaran beliau dengan menyatakan beberapa kaedah usul fikah yang digunakan sebagai hujah. Dengan kata lain, manhaj yang menjadi panduan kepada Syeikh Ahmad al-Fatani ketika mengeluarkan fatwa dalam kitab *al-Fatawa al-Fataniyyah* boleh diterjemahkan dengan melihat kepada:

#### **A) Kaedah istinbat**

Perkara utama yang perlu diambil kira ketika berbincang mengenai hukum syarak ialah pemahaman yang jelas mengenai kaedah pengistinbat atau pengeluaran hukum. Hal ini telah sebati dalam diri Syeikh Ahmad al-Fatani seperti kata beliau di bawah ini :

---

<sup>22</sup> Yang bererti menjaga, memelihara sesuatu daripada bercampur dengan yang selain daripadanya.

<sup>23</sup> Walaupun terdapat pelbagai definisi ijтиhad namun makna ijтиhad pada hakikatnya seperti yang dinyatakan oleh mantan Shaykh al-Azhar, Syeikh ‘Abd al-Halim Mahmud *rahimahullah* ialah satu percubaan yang bersungguh-sungguh dan terus-menerus sebagai (mematuhi dan) menuruti setiap yang dilakukan oleh Rasulullah (s.a.w) dan meletakkan segala masalah baru di bawah kaedah-kaedah lam yang dirumuskan daripada sabda Rasulullah (s.a.w) dan daripada al-Quran. Lihat ‘Abd al-Halim Mahmud, *al-Islam wa al-aql*, Dar al-Ma‘arif, al-Qahirah, cet. ke-4, t.th, hlm. 230.

Dan ketahui olehmu pula, bahawasa[nya] memilih Ahlus Sunnah akan ketiadaan harus mempernamakan Allah Ta’ala dengan sesuatu nama atau mensifatkan Dia dengan sesuatu sifat melainkan barang yang datang daripada syara’ dengan bahawa datang ia di dalam Quran atau hadits yang shahih atau hadits yang hasan atau dengan ijmak ulama dan kata setengah dengan qias yang kuat.<sup>24</sup>

Teks di atas walaupun menyentuh berkenaan ilmu Tauhid tetapi ia membuktikan keutuhan pegangan beliau terhadap kaedah pengistinbatan hukum dengan melihat kepada turutan dalil yang mesti dipatuhi iaitu bermula dengan al-Quran. Jika tidak didapati di dalam al-Quran, maka dalil kedua ialah hadis Nabi Muhammad (s.a.w) yang sahih dan diikuti dengan hadis hasan. Ini dituruti pula dengan ijmak dan selepas itu barulah digunakan *qiyas*. Begitulah seterusnya seperti yang dapat dirujuk dalam kitab-kitab usul fikah yang muktabar. Inilah yang dimaksudkan oleh Imam al-Shafiiyy dalam al-Risalah dengan katanya :

Allah (s.w.t) tidak mengizinkan bagi sesiapa selepas Nabi Muhammad (s.a.w) untuk mengeluarkan pandangan tanpa merujuk kepada *jihat al-ilm* dan yang dimaksudkan dengan *jihat al-ilm* selepas Nabi Muhammad (s.a.w) ialah al-Quran, al-Sunnah, ijmak, *al-athar* dan yang aku<sup>25</sup> sifatkan sebagai *qiyas* ke atasnya.<sup>26</sup>

---

<sup>24</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah, *al-Fatawal fathaniyah Syeikh Ahmad al-Fatani*, jil. 1, hlm. 21.

<sup>25</sup> Iaitu Imam *al-Shafiiyy radiaLlahu'anhu*.

<sup>26</sup> Muhammad bin Idris al-Shafiiyy, *al-Risalah* sunt. Ahmad Shakir, Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladahu, al-Qahirah, 1357H/1940, hlm. 508.

## **B) Sumber ambilan hukum**

Pemikiran usul fikah yang mendarah daging di dalam diri Syeikh Ahmad al-Fatani seterusnya diimplementasikan dengan merujuk pula kepada sumber ambilan fatwa yang dikeluarkan menurut turutan dalil yang disebutkan di atas tadi berserta dengan beberapa dalil lain seperti uruf dan maslahah.

- i) Al-Quran. Contohnya pada jawapan kepada soalan bernombor 53 beliau berhujah dengan ayat al-Quran yang berbunyi<sup>27</sup>

مُمْلَأً مِعَ أَلْضَانَ أَوْ مُمْلَأً كَسْنَ عَتَّافٌ أُورَفَكَ نَيْذَلَ وَ<sup>28</sup>

Maksudnya : Dan (sebaliknya) orang-orang yang kafir, maka kecelakaanlah bagi mereka, dan (Allah) mensia-siakan amal-amal mereka.

- ii) Hadis Nabi Muhammad (s.a.w). Ini dapat dilihat pada soalan berikutnya iaitu jawapan kepada soalan 54 yang berbunyi<sup>29</sup>

مُمْلَعٌ وَأَهْيَرَاجٍ قَدَصْ نُمْ الْإِهَّاثَ نُمْ الْإِهَّاثَ مُمْلَعٌ مُنْعَ عَطْقُنُ اُنْ اَسْنَ إِلَ اَتَأَمْ اَذْإِ  
كُلُّ وُغْدَيِ حَلَّ أَصِ دَلَّ وَأَهْبَعْ غَفَتَنُ يِ<sup>30</sup>

Maksudnya : Apabila seseorang itu mati maka terputuslah segala pahala amalannya melainkan tiga perkara iaitu sedekah

---

<sup>27</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah, *al-Fatawal fathaniyah Syeikh Ahmad al-Fatani*, jil. 2, hlm. 51.

<sup>28</sup> Al-Quran 47:8.

<sup>29</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah, *al-Fatawal fathaniyah Syeikh Ahmad al-Fatani*, jil. 2, hlm. 52.

<sup>30</sup> Muslim *Sahih*, kitab (al-wasiyyah) 25, bab (ma yalhaq al-insan min al-thawab ba'da wafatihi) 3. Lihat al-Nawawi, *Sahih muslim bi sharh al-nawawi*, Jil. 11, Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah, Beirut, t.th, hlm. 85. Syeikh Ahmad al-Fatani menggunakan lafaz *Ibn Adam* tetapi setelah dilakukan takhrij, penulis mendapati lafaz yang digunakan oleh semua perawi hadis yang meriwayatkan hadis ini seperti Muslim, al-Tarmidhi, Abu Dawud dan Ahmad ialah *al-insan*.

yang berkekalan, ilmu yang memberi manfaat dan anak yang salih yang mendoakannya.

- iii) Penggunaan dalil *qiyas*<sup>31</sup> sebagai sumber hukum banyak dapat dikesan dalam kitab beliau. Antaranya ialah “Maka tiada jauh bahawa kita qiyaskan atas zikir itu akan sembahyang.”<sup>32</sup> Pada tempat yang lain pula beliau menjawab “Inilah qaul yang memfatwa dengan dia oleh Syeikh al-Islam kerana qiyas atas ketiadaan harus menjualkan bumi masjid.”<sup>33</sup>
- iv) Selain itu juga Syeikh Ahmad al-Fatani turut berhujah dengan uruf<sup>34</sup> sama ada uruf *qawli* atau uruf *fīcli* dalam kebanyakan fatwa terhadap soalan yang dikemukakan kepada beliau. Contoh uruf *qawli* ialah<sup>35</sup>

Maka setengah-setengah daripada kalimah pada bahasa kejia pada Melayu Melaka. Dan demikian lagi setengah kalimah kejia pada setengah-setengah kampung dan tiada kejia ia pada kampung yang lainnya padahal di dalam negeri yang satu dan bahasa yang satu.

Manakala uruf *fīcli* pula boleh dilihat pada nas *al-Fatawa al-Fataniyyah* berikut: “Kerana didhabitkan keadaan dua tempat itu satu kampung atau dua itu dengan uruf. Dan telah sabit pada uruf oleh jadi berbilang-bilang kampung dengan sebab ada lapang antara dua tempat daripadanya yang telah ditinggalkan dia dengan li[ng] yang tersebut . . .”<sup>36</sup>

<sup>31</sup> Qiyas boleh didefinisikan sebagai persamaan hukum antara asal dan furuk kerana terdapat persamaan ‘illah.

<sup>32</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah, *al-Fatawal fathaniyah Syeikh Ahmad al-Fatani*, jil. 1, hlm. 100.

<sup>33</sup> Ibid jil. 2, hlm. 42.

<sup>34</sup> Iaitu setiap yang telah sebatи di dalam diri pada pandangan akal serta diterima oleh tabiat yang sempurna. (قَمِيلِسْلَا عَابِطًا مُتَقْلِّبًا لَوْقَعَلَى مَهْجَنْلَا يَفْرَقْتَسْلَا مَمْ)

<sup>35</sup> Ibid jil. 1, hlm. 21

<sup>36</sup> Ibid jil. 1, hlm. 102.

- v) Maslahah<sup>37</sup> sebagai salah satu sandaran syarak<sup>38</sup> memang tidak dapat dinafikan lagi. Kebiasaannya ia akan dikaitkan dengan menarik kemanfaatan dan menolak kemudaratian. Ini dapat difahami dengan merujuk kepada petikan kata-kata Syeikh Ahmad al-Fatani “bahawa menghendaki mufti akan kebajikan kepada ugama seperti hajat yang harus dan menolak akan kebinasaan yang umum.”<sup>39</sup> Pada tempat yang lain pula, beliau *rahimahullah* berkata “Kemudian maka jika kembali suami kepada menyakiti akan isterinya dengan ketidaaan sebab atau dengan sebab yang tersebut nescaya wajib ke atas hakim menegah akan dia daripada demikian itu”.<sup>40</sup>

### **C) Kaedah-kaedah usuliyah**

Kepakaran Syeikh Ahmad al-Fatani dalam ilmu usul fikah juga jelas terserlah dengan penguasaan beliau dalam kaedah-kaedah usul. Antaranya ialah

- i) Penggunaan *dalalat al-alfaz*. Sebagai contoh dengan hanya sebaris soalan yang pendek iaitu perbezaan antara *ushalli*, *a'budu* dan *ad'u* sahaja beliau menjawab dalam skop dalalat al-alfaz lebih daripada enam muka surat. Pengkaji di sini hanya memetik sedikit sahaja daripada jawapan beliau:

---

<sup>37</sup> Iaitu manfaat yang dimaksudkan oleh al-Shari<sup>c</sup> yang Maha Bijaksana untuk hamba-hambaNya daripada memelihara agama, jiwa, akal, keturunan dan harta.

<sup>38</sup> *Maslahah* pada hakikatnya bukanlah dalil dalam erti kata yang sebenar seperti al-Quran, al-Sunnah, ijmak atau qiyas. Ia hanya *ma'na kulliy* iaitu hasil daripada kesimpulan himpunan hukum-hukum yang berbentuk *juz'iyy* yang mempunyai sandaran daripada dalil-dalil *tafsiliyy*. Oleh itu, *maslahah* mesti dikawal dan diikat dengan *dawabit* bagi memastikan ‘keseimbangan’ antara maknanya yang *kulliy* dengan dalil-dalil hukum yang *tafsiliyy*.

<sup>39</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah, *al-Fatawal fathaniyah Syeikh Ahmad al-Fatani*, jil. 2, hlm. 111.

<sup>40</sup> Ibid jil. 2, hlm. 126.

Maka ketahuilah daripada demikian itu semuanya bahwasanya ithlaq shalat atas segala perbuatan itu daripada ithlaq juzu' iaitu shalat dengan makna doa atau serta segala tersebut sertanya itu atas sekelian[nya] iaitu segala perbuatan itu. Kemudian jadi shalat itu [adalah] haqqah syar'iyyah pada segala perbuatan itu...<sup>41</sup>

Pada tempat yang lain pula, beliau *rahimahullah* berkata: "Bahkan tiap-tiap daripada lafaz *thalaq* dan *lafaz* nikah itu sungguhpun bahasa Arab tetapi telah me[ng]*isti'mal* akan dia oleh orang Melayu kita sebagai yang *syayi'* (masyhur) sehingga seolah-olahnya ia [adalah] bahasa Melayu."<sup>42</sup>

- ii) Dalam pada itu, beliau turut memuatkan kaedah muqaddimat *al-wajib* yang beliau petik daripada Ibn Hajar yang berbunyi "Zahirsanya jikalau mengetahui oleh hakim daripada memberat-berati suaminya dan pongahnnya, bahawasa[nya] jikalau tiada diasingkan antara keduanya niscaya melampaui ia pada memberi mudarat akan dia niscaya wajib diasingkan antara keduanya daripada permulaan hingga akhir."<sup>43</sup>

#### **D) Kupasan Beberapa Topik Usul Fikah**

Selain daripada kaedah pengistinbatan, sumber hukum serta kaedah-kaedah usul, pemikiran usul fikah Syeikh Ahmad al-Fatani terserlah apabila turut mengupas beberapa topik penting dalam usul fikah iaitu ijтиhad, taqlid dan talfiq. Beliau menyebut di sini antara syarat ijтиhad ialah ia tidak bertentangan dengan kaedah-kaedah syarak. Nasnya berbunyi

<sup>41</sup> Ibid jil. 1, hlm. 84

<sup>42</sup> Ibid jil. 2, hlm. 129-130.

<sup>43</sup> Ibid jil. 2, hlm. 127

Jika adalah ijтиhad hakim itu berbetulan dengan *qawa'id* syara' niscaya harus baginya me[n]ta'zirkan orang yang tiada mengikut suruhnya dengan ijтиhad itu atas ketiadaan mengikutnya itu. Dan jika tiada berbetulan ia dengan *qawa'id* syara' niscaya tiada harus ia ta'zir akan dia atas demikian itu.<sup>44</sup>

Manakala dalam topik taqlid pula beliau mengupas syarat-syarat melakukan taqlid kepada selain Imam Mazhab yang empat. Antaranya

Jika adalah yang memfatwa dengan dia itu 'alim ia pada mazhab yang mempunyai qaul lagi mengetahui ia dengan rajih (yang berat) dan yang marjuh (yang diberat[kan] atasnya) daripadanya dan jikalau dengan semata-mata taqlid sekalipun. Dan jika adalah yang mempunyai qaul itu daripada yang lain daripada imam yang empat maka harus ia dengan beberapa syarat...<sup>45</sup>

Walaupun Syeikh Ahmad al-Fatani mengharuskan taqlid, namun beliau *rahimahulLah* berpandangan sebaliknya dalam masalah talfiq. Beliau berkata "Tiada talfiq sekali-kali kerana pengertian talfiq itu bahawa seseorang mengambil dari dua pendapat sebagai pengambilan yang terjadinya daripada suatu *haqiqat* yang tiada mengharuskannya oleh tiap-tiap daripada empunya dua pendapat itu."<sup>46</sup>

Ketiga-tiga teks di atas jelas menunjukkan penguasaan Syeikh Ahmad al-Fatani dalam bidang usul fikah.

---

<sup>44</sup> Ibid jil. 2, hlm. 55.

<sup>45</sup> Ibid jil. 1, hlm. 111.

<sup>46</sup> Wan Mohd. Shaghir Abdullah, *Fatawa tentang binatang hidup dua alam* Syeikh Ahmad al-Fatani, hlm. 13

## Kesimpulan

Walaupun Syeikh Ahmad al-Fatani tidak mengarang secara khusus dalam ilmu usul fikah tetapi pemikiran usul fikah itu pada hakikatnya telah sebatи dalam diri beliau seperti yang telah dikupas di atas tadi. Kemahiran, penguasaan dan kepakaran beliau adalah manifestasi kepada keyakinan kuat kepada manhaj ilmiah Islam yang menjadi panduan kepada setiap individu Muslim dalam usaha berpegang kepada kebenaran dan hidayah Ilahi. Pada masa yang sama juga, manhaj ini turut menjadi pengukur yang paling tepat bagi mengenal pasti golongan yang lebih mengutamakan hawa nafsu berbanding akal yang rasional dalam pengistinbatan hukum dan pengeluaran fatwa. Ukuran am dan kepentingannya ini dinyatakan oleh Dr. Muhammad Sa'id Ramadan al-Buti *hafizahuLlah* :

Ini kerana timbangan yang dipakai adalah satu hakikat yang sabit kewujudannya yang tunduk kepada ketahuan dan singkapan. Keadaannya serupa dengan setiap yang wujud yang boleh dilihat dengan mata kasar tanpa terpengaruh kewujudannya atau bentuk kewujudannya dengan mananya pemikiran akal manusia atau teori rekaan ; jika tidak, ia tidak layak untuk dinamakan sebagai neraca yang diguna pakai sebagai penghakim dalam menyelesaikan hal-ehwal dan perselisihan antara mereka sama ada pada perkara material atau spiritual.<sup>47</sup>

Oleh itu, umat Islam yang iltizam dan komited dengan al-Quran dan al-Sunnah mempunyai neraca (*al-mizan*) atau pengukur (*al-miqyas*) yang tetap dalam mentafsirkan nas dan kandungannya.

---

<sup>47</sup> Muhammad Sa'id Ramadan al-Butiyy, *Azmat al-ma'rifah...wa 'ilajuhu fi hayatina al-fikriyyah al-mu'asirah* dalam *al-Manhajiyah al-islamiyyah wa al-'ulum al-sulkiyyah wa al-tarbiyyah*, The International Institute of Islamic Thought, U.S.A, 1991, hlm. 57.

Di samping itu juga, mereka mempunyai tempat rujukan bagi mendabit iaitu mengawal, mengikat dan memastikan pendapat atau ijтиhad yang benar dan sahih agar tetap tunduk kepada ‘kekuasaan’ nas.

### Rujukan

- ‘Abd Al-Qadir Muhammad Abu Al-‘Ila. 1407H/1987. *Buhuth fi al-ijtihad*. Shubra : Matba‘ah al-Amanah.
- Ahmad Fahmi. 1947. *Al-‘Urf wa al-‘adah fi ra’y al-fuqaha’*. al-Qahirah : Matba‘ah al-Azhar.
- Al-Buti, Muhammad Sa‘id Ramadan. 1991. *Azmat al-ma‘rifah wa ‘ilajuha fi hayatina al-fikriyyah al-mucasirah dalam al-Manhajiyah al-Islamiyyah wa al-‘ulum al-sulukiyyah wa al-tarbiyyah*. U.S.A : The International Institute of Islamic Thought.
- Al-Buti, Muhammad Sa‘id Ramadan. 1421H/2000. *Dawabit al-maslahah fi al-shari‘ah al-Islamiyyah*. cet. ke-6. Beirut : Mu’assasah al-Risalah.
- Al-Shafi‘iyy, Muhammad bin Idris. 1357H/1940. *al-Risalah*. Sunt. Ahmad Shakir. Qahirah: Mustafa al-Babi al-Halabi wa Awladuhu.
- Jalal al-Din ‘Abd al-Rahman. 1413H/1993. *Ghayat al-wusul ila daqa‘iq ‘ilm al-usul al-adillat al-mukhtalaf fiha*. Shubra: Matba‘ah al-Jabalawi.
- Mahmud, ‘Abd al-Halim. T.th. *al-Islam wa al-‘aql*. Cet. ke-4. al-Qahirah : Dar al-Ma‘arif.
- Wan Mohd. Shaghir Abdullah. 1992. *al-‘Allamah Syeikh Ahmad al-Fatani ahli fikir Islam dan dunia Melayu*. Kuala Lumpur : Khazanah Fathaniyyah.
- Wan Mohd. Shaghir Abdullah. 1996. *al-Fatawal fathaniyah Syeikh Ahmad al-Fatani*. 3 jil. Kuala Lumpur : Khazanah Fathaniyyah.

- Wan Mohd. Shaghir Abdullah. 1990. *Fatawa tentang binatang hidup dua alam Syeikh Ahmad al-Fatani*. Kuala Lumpur : Penerbitan Hizbi.
- Wan Mohd. Shaghir Abdullah. 1421H/2000. *Wawasan pemikiran Islam ulama Asia Tenggara*. 5 jil. Kuala Lumpur : Khazanah Fathaniyyah.
- Wan Mohd. Shaghir Abdullah. 2005. Tuan Mukhtar Bogor ulama ahli syariat dan haqiqat. *Utusan Malaysia (Mega)*, 20 Jun : 18.
- Al-Zuhaily, Wahbah. 1417H/1996. *Usul al-fiqh al-Islami*. Cet. ulang. 2 jil. Bayrut : Dar al-Fikr al-Mu'asir.